



SIARAN AKHBAR

YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KEPADA TUAN YANG TERUTAMA MENTERI KEBUDAYAAN, REPUBLIK RAKYAT CHINA

Beijing, Republik Rakyat China, 17 Oktober 2011 -Yang Berhormat Pehin Orang Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Mr. Cai Wu, Menteri Kebudayaan, Republik Rakyat China. Majlis diadakan di Diaoyutai State Guest House, Beijing.

Di majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Menteri Kebudayaan Republik Rakyat China mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Pehin serta rombongan ke Beijing. Tuan Yang Terutama seterusnya melahirkan harapan lawatan Yang Berhormat ini akan mengeratkan lagi hubungan dua-hala diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China khususnya kerjasama dalam bidang kebudayaan. Tuan Yang Terutama menyatakan harapan persahabatan istimewa di antara kedua buah Negara dan jiran ini akan terus dipertingkatkan dari masa kesmasa.

Diantara perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah rasa gembira beliau kerana dapat berada di Beijing untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan Diplomatik diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China yang merupakan sebagai kunjungan balas kepada rombongan kebudayaan *Guangxi Artistic Troupe* ke Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan pada bulan Mei 2011 . Negara Brunei Darussalam sangat menghargai hubungan akrab diantara kedua negara ini dan kedua Menteri bersetuju pentingnya budaya sebagai faktor pengukuh dalam hubungan diantara satu sama lain. Ianya juga dapat menghasilkan kesaling


fahaman dan appresiasi diantara rakyat kedua buah negara. Yang Berhormat Pehin seterusnya menyatakan perlunya melibatkan golongan belia dalam pertukaran rancangan kebudayaan di masa yang akan datang bagi kesinambungan dan demi memperkuatkan lagi hubungan yang sedia ada.

Sejurus selepas majlis kunjung hormat, Yang Berhormat Pehin Menteri dan rombongan di raikan dalam jamuan tengah hari yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Menteri Kebudayaan, Republik Rakyat China.

Yang Berhormat Pehin berada di Beijing untuk meraikan Sambutan UlangTahun Ke-20 Penubuhan Diplomatik diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China. Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Puan Yang Terutama Magdelene Teo, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China dan pegawai-pegawai kanan dari kedua belah pihak.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, pada malam semalam juga telah menghadiri satu persembahan kebudayaan dari Negara Brunei Darussalam. Persembahan diadakan di *National Library of China Concert Hall* yang dihadiri oleh seramai lingkungan seribu (1000) orang penonton.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah menjalinkan hubungan diplomatic pada 30 September 1991.



Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan perbincangan dengan Tuan Yang Terutama Cai Wu, Menteri Kebudayaan, Republik Rakyat China. Disebelah kanan Yang Berhormat Pehin Puan Yang Terutama Magdelene Teo, Duta Besar Negara Brunei Darussalam Ke Republik Rakyat China.



Gambar Ramai beserta rombongan kebudayaan Negara Brunei Darussalam yang membuat persembahan kebudayaan, bertempat di National Library of China Concert Hall pada 16 Oktober 2011.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

17 Oktober 2011